



---

## SOALAN-SOALAN LAZIM (FAQ)

### SIP PRIHATIN 2.0 – PENAMBAHBAIKAN KEPADA ELAUN MENCARI PEKERJAAN

### PERTUBUHAN KESELAMATAN SOSIAL (PERKESO)

BIL.1/2021 | 15 Julai 2021

#### 1. Apakah yang dimaksudkan dengan SIP PRIHATIN 2.0?

- SIP PRIHATIN 2.0 adalah bantuan kewangan yang diberikan kepada individu yang sedang terkesan akibat krisis wabak COVID-19 untuk kelangsungan hidup semasa mencari peluang pekerjaan baharu di bawah Pakej Perlindungan Rakyat Dan Pemulihan Ekonomi (SIP PRIHATIN 2.0).
- Sebagai tambahan, kerajaan bersetuju untuk meluaskan pemberian elaun ini kepada individu yang menggangur dan merupakan bukan pencarium PERKESO seperti graduan baharu, lepasan sekolah dan pekerja sektor tidak formal.
- SIP Prihatin 2.0 mengandungi insentif Elaun Mencari Pekerjaan (EMP SIP PRIHATIN 2.0) yang diterima apabila individu yang layak menghadiri temuduga dan Elaun Persediaan Bekerja (EPB) sekiranya telah kembali bekerja.

#### 2. Bilakah tarikh kuatkuasa SIP PRIHATIN 2.0?

- Tarikh kuatkuasa membuat permohonan SIP PRIHATIN 2.0 adalah bermula pada **15 Julai 2021**.
- Tarikh tutup membuat permohonan SIP PRIHATIN 2.0 adalah pada **31 Disember 2021**.

**3. Adakah pencarum PERKESO yang sedang atau telah menerima faedah di bawah Akta Sistem Insurans Pekerjaan dan bantuan kewangan di bawah SIP PRIHATIN (Belanjawan 2021) layak menerima bantuan SIP PRIHATIN 2.0?**

- Tidak. Individu yang telah mendapat bantuan di bawah Akta Sistem Insurans Pekerjaan atau mana – mana bantuan yang lain seperti Insentif Pengambilan dan Latihan tidak layak mendapat bantuan SIP PRIHATIN 2.0.

**4. Berapa lamakah tempoh program SIP PRIHATIN 2.0 dan jumlah bayaran yang layak diterima?**

- Tempoh aktiviti pencarian pekerjaan adalah **selama 3 bulan** yang bermula sebaik sahaja permohonan dikemukakan.
- Permohonan yang diluluskan adalah layak untuk menerima bantuan kewangan **EMP** SIP Prihatin 2.0 yang berjumlah RM 300 sebulan untuk tempoh **2 bulan sahaja**.
- Bayaran ketiga bagi **EPB** akan dilaksanakan sekiranya pemohon telah berjaya ditempatkan ke dalam pekerjaan dalam tempoh 3 bulan daripada tarikh permohonan dikemukakan.
- Sebagai contoh, sekiranya beliau telah mendapat pekerjaan baharu semasa menerima EMP yang pertama atau EMP yang kedua, maka bayaran tambahan EPB sebanyak RM400 akan dibayar terus pada bulan yang sama.
- Sekiranya seorang itu mendapat kelulusan pertama pada 20 Julai 2021 dan mula bekerja pada 20 Januari 2022, bantuan **tambahan EPB tidak akan dibayar** kerana penempatan pekerjaan tersebut berlaku di luar tempoh penilaian aktiviti pekerjaan yang ditetapkan.

**5. Bilakah tarikh akhir tuntutan program SIP Prihatin 2.0?**

- Individu diberi tempoh masa sehingga 31 Disember 2021 untuk mengemukakan permohonan SIP Prihatin 2.0.

**6. Apakah syarat kelayakan untuk memohon SIP PRIHATIN 2.0?**

- Syarat-syarat kelayakan program telah disenaraikan di **Jadual 1**.

**7. Apakah dokumen yang diperlukan bagi permohonan SIP PRIHATIN 2.0?**

- Dokumen yang diperlukan untuk membuat permohonan SIP PRIHATIN 2.0 adalah –
  - i. Salinan **Kad Pengenalan** Pemohon (depan dan belakang)
  - ii. Salinan **Penyata Nombor Akaun Bank** Pemohon Sendiri (bukan akaun Bersama)
  - iii. **Bukti menghadiri 3 kali temuduga** dalam tempoh setiap EMP, sekiranya ia merupakan bukan anjuran PERKESO yang disahkan oleh menerusi borang pengesahan oleh syarikat temu duga.
  - iv. **Pengemaskinian aktiviti temuduga** di Log Aktiviti Portal MYFutureJobs (Rujuk Lampiran 2)

**8. Siapakah yang LAYAK memohon SIP PRIHATIN 2.0?**

- Individu yang belum berdaftar dan tidak aktif mencarum dengan PERKESO selepas 1 Julai 2020.
- Individu yang berumur 18 tahun dan tidak melebihi 60 tahun pada masa permohonan.

- Individu yang memenuhi syarat kelayakan SIP PRIHATIN 2.0 seperti di Jadual 1, soalan no. 6.

**9. Bagaimanakah kaedah bayaran SIP PRIHATIN 2.0 dilakukan?**

- Pembayaran akan dilakukan dalam tempoh 14 - 30 hari selepas tuntutan diluluskan dan akan dikreditkan terus ke dalam akaun pemohon secara *Electronic Fund Transfer (EFT)*.

**10. Bagaimanakah cara membuat semakan status permohonan?**

- Semakan boleh dibuat melalui **aplikasi PRIHATIN PERKESO**.

**11. Adakah individu tersebut perlu melaporkan kepada PERKESO sekiranya mendapat tawaran pekerjaan baharu?**

- Ya. Individu tersebut hendaklah melaporkan kepada PERKESO mengenai penerimaan tawaran tersebut dalam tempoh 14 hari dari tarikh penerimaan tawaran sekiranya beliau ingin mendapat bayaran EPB melalui **Aplikasi Prihatin PERKESO**.

**12. Adakah faedah EMP akan diberhentikan sekiranya tawaran pekerjaan telah ditolak?**

- Individu boleh menolak tawaran pekerjaan jika mempunyai alasan yang munasabah bagi penolakan tersebut. Pengemaskinian penolakan harus dilakukan di Log Aktiviti Portal MYFutureJobs.
- Sekiranya PERKESO tidak berpuas hati dengan alasan yang diberi, PERKESO berhak untuk menamatkan bantuan SIP PRIHATIN 2.0.

**13. Adakah individu layak membuat rayuan sekiranya permohonan SIP PRIHATIN 2.0 ditolak oleh PERKESO?**

- Boleh. Rayuan boleh dikemukakan kepada melalui [eaduansip.perkeso.gov.my](http://eaduansip.perkeso.gov.my)

**14. Adakah individu yang sedang menerima faedah SIP PRIHATIN 2.0 perlu mengemukakan permohonan bagi bulan seterusnya?**

- Tidak, individu hanya dikehendaki mengemaskini log aktiviti MYFuturejobs melalui portal MYFuturejobs bagi setiap aktiviti temuduga yang dihadiri.

**15. Apakah tindakan yang perlu dilakukan oleh individu yang di isytiharkan mufliis atau mempunyai akaun bank yang dibekukan bagi membolehkan mendapat pembayaran SIP PRIHATIN 2.0?**

- Individu yang telah diisytiharkan mufliis atau mempunyai akaun bank yang dibekukan hendaklah mendapatkan pelepasan dari Jabatan Insolvensi Malaysia / bank berkenaan bagi pengaktifan semula akaun bank.

**16. Bagaimanakah individu membuat permohonan SIP Prihatin 2.0 ?**

- Individu yang layak boleh memuat turun **Aplikasi Prihatin PERKESO** melalui *PlayStore* ataupun *AppleStore*.

**Bagi sebarang pertanyaan lanjut, sila hubungi Pegawai Perkhidmatan Pelanggan PERKESO di talian 1-300-22-8000.**

**PERTUBUHAN KESELAMATAN SOSIAL (PERKESO)**

**15 Julai 2021**

**JADUAL 1 – INSENTIF DAN SYARAT KELAYAKAN DI BAWAH**  
**PROGRAM SIP PRIHATIN 2.0**

<b>Aktiviti Pencarian Pekerja</b>	<b>Jumlah Carian Setiap Bulan</b>	<b>Jumlah Elaun Mencari Pekerja</b>
Menghadiri temuduga terbuka (fizikal atau dalam talian)	Minima 3 sesi temuduga untuk setiap bayaran elaun mulai 1 Julai 2021	RM 300 sebulan
Menghadiri temuduga terbuka (fizikal atau dalam talian)	Minima 3 sesi temuduga bagi bayaran EMP bulan seterusnya	RM 300 sebulan
Mendapat pekerjaan dalam tempoh menerima insentif pada bulan pertama	Menghadiri sekurang-kurangnya satu (1) temuduga dalam tempoh menerima elaun mencari pekerjaan SIP Prihatin 2.0	RM 300 dan juga RM 400 (secara <i>one off</i> )
Mendapat pekerjaan dalam tempoh menerima insentif pada bulan kedua	Menghadiri sekurang-kurangnya empat (4) temuduga dalam tempoh menerima elaun mencari pekerjaan SIP Prihatin 2.0	RM 300 (bulan pertama) RM 300 (bulan kedua) RM 400 (secara <i>one off</i> )
Mendapat pekerjaan selepas tempoh menerima insentif pada bulan keempat	Menghadiri sekurang-kurangnya enam (6) temuduga dalam tempoh menerima elaun mencari pekerjaan SIP Prihatin 2.0	RM 300 (bulan pertama) RM 300 (bulan kedua)
<b>SYARAT TAMBAHAN</b>		

<p style="text-align: center;"><b>Kelayakan Permohonan</b></p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Setiap pemohon adalah wajib berdaftar, melengkapkan profil dan aktif membuat aktiviti pencarian di Portal MYFuturejobs mulai 1 Julai 2021.</li> <li>• Pemohon perlu menghadiri aktiviti temuduga sekurang-kurangnya tiga (3) kali sebulan melalui; <ul style="list-style-type: none"> <li>a) Program temuduga terbuka anjuran PERKESO adalah diutamakan. Maklumat temuduga boleh diperolehi melalui capaian <a href="https://www.myfuturejobs.gov.my/news-events">https://www.myfuturejobs.gov.my/news-events</a> atau;</li> <li>b) bersama anjuran majikan berdaftar dan yang telah mengiklankan jawatan di Portal MYFutureJobs atau;</li> <li>c) anjuran luar dan disahkan oleh majikan/agensi pekerjaan swasta</li> </ul> </li> </ul>
<p style="text-align: center;"><b>Jenis Temuduga</b></p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pemohon perlu menghadiri sesi temuduga bersama tiga (3) majikan berbeza dalam tempoh masa yang sama atau hari yang berlainan</li> <li>• Pemohon menghadiri mana-mana temuduga yang diaturkan oleh majikan yang telah berdaftar di Portal MyFuturejobs.</li> <li>• Pemohon menghadiri mana-mana temuduga yang setara dengan kelayakan atau bersesuaian dengan pengalaman.</li> </ul>
<p style="text-align: center;"><b>Tempoh Bayaran Insentif</b></p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Tempoh pembayaran EMP SIP Prihatin 2.0 adalah secara bulanan (30 hari)</li> <li>• EPB akan dibayar secara bersama EMP SIP Prihatin 2.0 sekiranya telah mendapat pekerjaan baharu.</li> </ul>

<p><b>Tatacara Permohonan</b></p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pemohon wajib berdaftar sebagai pencari kerja dan melengkapkan profil di Portal MYFutureJobs melalui capaian <a href="http://www.myfuturejobs.gov.my">www.myfuturejobs.gov.my</a>.</li> <li>• Pemohon juga hendaklah berdaftar di aplikasi PRIHATIN PERKESO bagi tujuan pembayaran elaun</li> <li>• Pemohon perlu mengemaskini aktiviti log bagi setiap temuduga yang dihadiri melalui MYFuturejobs mengikut syarat yang telah ditetapkan</li> <li>• Pemohon juga perlu memastikan tarikh kembali bekerja dikemaskini sekiranya Kembali bekerja</li> <li>• Sekiranya pemohon mendapat pekerjaan baharu, pemohon hendaklah mengemaskini di MYFuturejobs dengan memuat naik dokumen sokongan (surat tawaran) bagi tujuan pembayaran EPB.</li> </ul>
<p><b>Semakan Permohonan</b></p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pemohon boleh menyemak status permohonan melalui aplikasi Prihatin PERKESO</li> </ul>



## Jadual 2 – Tatacara Memohon SIP PRIHATIN 2.0

### TATACARA MEMOHON SIP PRIHATIN 2.0

Daftar & Lengkap Profil di Portal MYFutureJobs

Daftar di Aplikasi Prihatin bagi tujuan bayaran  
insentif mengikut kelayakan

Hadiri Program Temuduga & Kemaskini Log Aktiviti di Portal  
MYFutureJobs

Kemaskini Tarikh Kembali Bekerja di Aplikasi Prihatin PERKESO  
sekiranya

Terima bayaran mengikut aktiviti yang dijalankan seperti di  
Jadual 2

*Akaun Pengesahan Syarikat  
perlu dilampirkan sekiranya  
menghadiri program  
temuduga bukan anjuran  
PERKESO*